KEMENTERIAN EKONOMI

My CCUS

Manfaat RUU CCUS Kepada Negara

Peluang Pelaburan dan Ekonomi

CCUS membuka peluang pelaburan berskala tinggi dan merangsang pertumbuhan ekonomi daripada aktiviti CCUS di sepanjang rantaian nilai tanpa membebankan kewangan Kerajaan.

Memacu Pembangunan Ekonomi, khususnya di Pantai Timur

Kerteh dan Kuantan berpotensi menarik peluang pelaburan baharu khususnya bagi industri berat. Industri ini akan memberi limpahan ekonomi dan pembangunan untuk memperkasakan kawasan Pantai Timur Semenanjung.

Peluang Pekerjaan

Mewujudkan kira-kira 200,000 peluang pekerjaan baharu pada waktu puncak menjelang 2050 bagi mempergiat bakat dan kemahiran tempatan berkaitan *green skills* dalam teknologi CCUS.

Keperluan mengadakan RUU CCUS

CCUS telah diiktiraf sebagai salah satu strategi baharu pertumbuhan ekonomi bagi menyokong pembangunan hijau dan rendah karbon. RUU CCUS mengadakan perutukan perundangan bagi memenuhi aspirasi sifar bersih menjelang tahun 2050 dengan mengurangkan pelepasan karbon daripada industri *hard-to-abate*.

Pelaksanaan Cukai Karbon untuk Pembangunan Industri yang Mampan

Bayaran cukai karbon yang dikenakan berdasarkan kandungan karbon dalam bahan api fosil. Cukai ini membantu mengurangkan perlepasan gas rumah kaca untuk mendorong pengunaan tenaga yang lebih bersih dan mampan. Pelaksanaan cukai karbon memberi peluang dalam mengalakkan inisiatif bagi menarik pelaburan.